

01 NOV 1996

KERAJAAN AMERIKA TIDAK PERAKUKAN SEBARANG TINDAKAN TERHADAP PETRONAS

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Amerika Syarikat tidak mengambil atau memperakukan sebarang tindakan terhadap Petronas kerana pelaburannya di Iran, Keduataan AS di sini berkata hari ini.

Kedutaan itu menyifatkan sebagai "palsu" laporan media yang menyebut kononnya "jawatankuasa sekatan" kerajaan AS yang bertanggung jawab bagi melaksanakan Akta Sekatan Iran-Libya telah mengesyorkan tindakan terhadap Petronas.

Menurut kenyataan tersebut, Washington tidak menubuhkan "jawatankuasa sekatan" seperti yang dilaporkan dan pentadbiran AS tidak mengambil atau memperakukan sebarang tindakan terhadap Petronas.

Laporan media itu merujuk kepada kenyataan oleh seorang pembantu Kongres yang telah menyatakan pendapatnya sendiri, jelas kenyataan itu.

"Pembantu itu tidak bercakap bagi pihak atau mewakili dasar atau pandangan kerajaan AS."

Di bawah Akta Sekatan Iran-Libya, AS telah mengancam untuk mengenakan sekatan ke atas firma-firma bukan AS yang melabur AS\$40 juta (RM100 juta) atau lebih setahun di dalam sektor minyak dan gas kedua-dua negara berkenaan.

Petronas mempunyai 30 peratus kepentingan di dalam medan minyak Sirri A dan E di Iran yang mempunyai rizab boleh dikeluarkan sebanyak 600 juta tong.

Jumlah pelaburan yang diperlukan untuk memajukan kedua-dua medan minyak itu ialah AS\$600 juta (RM1.5 bilion).

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan menyerah kepada arahan AS dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Malaysia akan membangkitkan isu mengenai AS bercadang mengenakan sekatan ke atas Petronas di mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan datang dan di forum-forum lain seperti mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). -- BERNAMA

MR OS/sia